

JIKA ANDA HADAPI MASALAH

Langkah Segera



Utamakan
Keselamatan Diri



Hubungi Talian
Kecemasan



Lapor insiden,
simpan bukti

Cara buat laporan (panduan ringkas)

- Laporkan kepada pegawai keselamatan di lokasi; jika perlu, buat laporan polis.
- Emelkan butiran kepada unit keselamatan kampus dan simpan nombor rujukan.

Sokongan Kesihatan Mental

Jika trauma atau tekanan, cari kaunselor kampus atau hubungi talian sokongan emosi.



Malaysia Crime Prevention Foundation (Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia)

B-3A-13, Blok B Aras 4 Unit 13,
Megan Avenue II,
Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur, Malaysia.

Telefon: +603-2181 0055 / 0555
E-mel: support@mcpf.org.my



Hubungi Talian
Kecemasan

Nombor Kecemasan
(Polis/Ambulans/Bomba) **999 / 112**

Pejabat Keselamatan
Kampus



KAMPUS

SELAMAT

Amalan Ringkas Keselamatan Bersama



**Tips pantas kehidupan pelajar di kampus
dengan selamat**

'Hidup Bebas Jenayah'

Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF)

RUTIN SELAMAT HARIAN



Rancang laluan dan maklumkan pada rakan jika pulang lewat.



Elak jalan sunyi - pilih laluan yang terang / utama.



Guna aplikasi keselamatan kampus.



Bawa lampu suluh kecil / powerbank untuk kecemasan.




Kunci pintu bilik asrama dan gunakan kunci berkualiti.

PETUA UNTUK PENGANGKUTAN

- 1 Semak pengesahan pemandu & nombor kenderaan sebelum naik e-hailing.



2



Kongsi status pergerakan dan nombor plat kepada ahli keluarga atau rakan.

3



Hubungi talian kecemasan jika rasa tidak selamat semasa menaiki e-hailing.

Keselamatan Peribadi

- Waspada di tempat awam - jangan leka dengan telefon bimbit atau fon kepala.
- Pelajari pertolongan cemas asas dan lokasi bilik kesihatan kampus.
- Jika berlaku gangguan, tuju ke kawasan awam dan cari bantuan pihak keselamatan.



LINDUNGI DIRI, RAKAN & DATA ANDA



Kampus Bebas Buli & Salah Laku Seksual

- Hormat setiap individu, elak gurauan atau tingkah laku yang dianggap gangguan.
- Jika anda menjadi mangsa atau saksi buli / salah laku seksual, segera lapor kepada pegawai keselamatan, kaunselor atau talian khas kampus.
- Catat butiran insiden (tarikh, masa, tempat, saksi) untuk memudahkan siasatan.

Kampus Bebas Dadah

- Elak salahguna dadah dan bahan terlarang di kampus.
- Lapor segera kepada pihak keselamatan atau kaunselor jika syak aktiviti pengedaran atau penggunaan dadah.
- Sokong rakan yang mahu dapatkan bantuan pemulihan, usah menghakimi.



Keselamatan Harta Benda

- Jangan tinggalkan barang berharga di tempat terbuka.
- Guna kunci tambahan dan letak kenderaan di kawasan terang.
- Catat nombor siri peralatan penting (laptop, telefon, basikal, motosikal).
- Lapor segera kehilangan pada keselamatan kampus dan balai polis berdekatan.

Keselamatan Digital

- Guna kata laluan unik dan aktifkan pengesahan dua faktor (2FA) akaun penting.
- Elak kongsi lokasi masa nyata di media sosial jika anda sedang bersendirian.
- Jangan klik pautan atau mesej mencurigakan; semak dengan pejabat IT kampus.
- Simpan kerja kursus penting di storan awan.

